

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH JAWAPAN : -  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan  
:-

- a) jumlah deposit bil elektrik yang dikutip oleh TNB dan di mana ia dilaburkan; dan
- b) apakah faedah yang diperolehi oleh pendeposit..

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah keseluruhan **deposit tunai** yang dipegang oleh TNB sehingga 31 Ogos 2014 adalah sebanyak **RM3.61 billion**. Wang cagaran yang diterima diuruskan sebagaimana semua aliran wang tunai TNB yang lain. Walau bagaimanapun, TNB sentiasa memastikan kemampuan untuk memulangkan bayaran deposit yang telah diterima daripada pengguna apabila perlu.
2. Sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan 5 (Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen), deposit yang dipegang oleh TNB perlu diberi rebat setiap tahun. Wang rebat ini akan diberikan dengan dikreditkan ke dalam akaun pengguna pada bulan Januari setiap tahun. Kuantum rebat yang ditetapkan adalah sebanyak 2.5% setahun daripada jumlah deposit tunai yang dipegang oleh TNB bagi setiap penggunanya. Pada Tahun Kewangan 2014 (01 September 2013 hingga 31 Ogos 2014), TNB telah membayar rebat deposit sebanyak **RM90.04 juta** kepada pengguna.

\*\*\*\*\*